

BAB IV

PERSEMBAHAN TEATER “SITI DI ALAM FANTASI”

4.1 PENGENALAN

Aminah Rhapsody selaku penulis skrip juga merupakan Pengarah Teater SDAF. Teater ini pertama kalinya dipersembahkan sempena Sukan Komenwel pada tahun 1998 di Cinematic. Skripnya telah diedit dan untuk persembahan kali keduanya, ia dipersembahkan pada 20-26 November 2000 di Istana Budaya. Teater ini diterbitkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Apa yang boleh dibanggakan mengenai persembahan teater ini ialah ianya telah mencatat sejarah penonton teater paling ramai di Istana Budaya. Sepanjang teater ini dipersembahkan dalam tempoh tersebut telah mencatat jumlah penonton seramai 12,300.

Persembahan ini cukup penting untuk diteliti oleh pengkaji kerana ia menjadi korpus kajian pengkaji untuk melihat pendidikan moral untuk kanak-kanak di dalamnya. Justeru, pengkaji mengambil satu inisiatif dengan melihat semula rakaman persembahan itu khususnya untuk meninjau aspek persembahan yang membantu dalam menyerlahkan pendidikan moralnya.


Menurut Rahmah Bujang, seni persembahan khususnya seni lakon dikawal oleh tiga elemen yang mengisi tafacara dan struktur hasilnya. Tiga elemen itu ialah pertama; kawasan berlakunya persembahan, kedua; pemain yang menjayakan persembahan dan

ketiga; corak pengutaraan persembahan (Rahmah Bujang, 2002 : 158). Justeru, pengkaji dengan menggunakan teori Aristotle dalam menganalisis drama dan berpandukan pembahagian yang dibuat oleh Rahmah Bujang akan membincangkan aspek persembahan teater SDAF ini dalam membantu untuk melihat pendidikan moral di dalamnya. Ketiga-ketiga elemen ini akan dilihat sebagai gabungan yang akan menyerlahkan aspek persembahan secara khususnya dan akan menonjolkan mesej moral yang ingin disampaikan oleh pengarah.

4.2 PENTAS

Pentas merupakan salah satu elemen yang penting dalam persembahan teater. Menurut Rahmah Bujang, di antara penonton dan bangunan teater mempunyai hubungan yang rapat dan dalam hubungan ini petugas drama memerlukan imaginasi yang segar supaya ia dapat menjiwai 'kenapa' dan 'bagaimana' sesuatu teater boleh menghidupkan skrip sehingga memberi keselesaan kepada penonton. (Rahmah Bujang, 1994 : 124)


Setiap pementasan lakonan drama ia memerlukan ruang atau kawasan khas untuk memainkannya. Kawasan khas ini dikenali sebagai pentas, iaitu binaan yang agak tinggi dan luas jaraknya dari lantai ke bumbung supaya ia dapat memuatkan binaan-binaan lain dengan mudah. Merujuk teater SDAF, pentas yang digunakan ialah pentas prosenium (lihat Rajah 1).



Rajah 1 Pentas Prosenium

Pentas prosenium adalah pentas yang biasa digunakan untuk sesuatu persembahan drama. Ia juga disebut pentas panggung. Pentas ini mempunyai dua ruang bingkai pada pentas iaitu ruang untuk pemuzik dan ruang lakonan di atas pentas yang mempunyai tirai yang boleh diangkat ke atas dan tarik ke tepi. Tirai-tirai di kawasan atas pentas juga boleh dinaikkan dan diturunkan. Ia dipanggil sebagai tabir. Di dalam persembahan teater ini tabirnya dilukis dengan gambar-gambar adegan tertentu, misalnya jika adegan di tepi tasik, maka pada tirai itu dilambangkan dengan sketsa yang menunjukkan tasik. Pentas jenis ini juga mempunyai sebing yang dibuat daripada kain atau kanvas sama ada kecil atau besar mengikut keperluan. Ia juga dilengkapi dengan alang yang digantung dari bumbung panggung mengikut sistem *rigging* iaitu system tali-tali yang boleh ditegangkan atau dikendurkan untuk menurunkan atau menaikkan latar atau tirai hias dalam sesuatu adegan tertentu. Berkait rapat dengan aspek pentas, terdapat beberapa perkara yang dititik beratkan oleh pengarah sewaktu mengarah persembahan teater ini. Ini kerana setiap

kawasan di atas pentas sama ada depan, tengah, belakang, kiri tengah dan kanan pentas mempunyai penekanan peranan dan emosi tertentu yang boleh diwujudkan melalui aksi pelakon dalam kawasan tertentu. (lihat Rajah 2).



Petunjuk :

B - Belakang K - Kanan

T - Tengah Ki - Kiri

D - Depan

Rajah 2 Kawasan berlakon

(Rahmah Bujang, 1994 : 131)

Melihat keseluruhannya, semua kawasan pentas perlu ada perimbangannya. Malah pentas digunakan dengan seimbang untuk menambah nilai estetika lakon drama. Di dalam pembahagian ini kawasan depan dikhususkan untuk nada keras dan suasana

tegang, kawasan belakang untuk nada lemah dan suasana sekadar membantu, manakala kawasan tengah bagi kawasan aksi biasa sama ada pengenalan, pemberitahuan dan seumpamanya. Apabila pengucapan dialog seseorang watak bertambah tegas dan jelas, gerakannya haruslah ke arah kawasan depan pentas. Sekiranya ada konflik emosi yang berat, pelakon hendaklah ke depan dan jika sebaliknya, pelakon hendaklah bergerak ke belakang. Bagi efek yang penuh rahsia atau mahu mengemukakan sesuatu muslihat, lazimnya pelakon bergerak ke sebelah kiri pentas, manakala untuk adegan romantis pula, pelakon akan bergerak ke kanan pentas. Semua ini berdasarkan prinsip gunaan dan berhubung kait dengan psikologi manusia. (Rahmah Bujang, 1994 : 130)

4.3 PEMAIN

Definisi yang diberikan oleh Rahmah Bujang berkenaan pemain ialah merujuk kepada sesiapa sahaja yang melibatkan diri secara langsung dalam sesuatu persembahan seni iaitu seperti pelakon, penyanyi, penari yang beraksi di atas pentas, atau pengarah, penteknik pementasan seperti penata cahaya, pereka set dan prop, pereka busana, penerbit dan pengurus kewangan dan seranta iaitu semua mereka yang bertanggungjawab dalam memastikan setiap urusan persembahan berjalan dengan baik. (Rahmah Bujang, Nor Azlin Hamidon, 2002 : 159)

Namun begitu dalam penyelidikan ini, pengkaji hanya membincangkan aspek pemain meliputi pelakon-pelakon, penyanyi dan penari yang beraksi di atas pentas yang menjayakan persembahan teater SDAF. Skop ini dibuat bagi memudahkan kajian yang memfokuskan aspek pendidikan moral yang dicungkil lebih-lebih lagi melalui karekter para pelakornya, manakala aspek-aspek lain yang membantu menjayakan persembahan

ini akan dibincangkan dalam bahagian pengolahan dramatik dan juga dalam bab analisis moral.

Berdasarkan kenyataan Aristotle (384-322 S.M), bahawa persembahan media pentas sebagai satu "peniruan hidup" membenarkan tanggungjawab seseorang pemain untuk meniru atau melakonkan semula daripada pengamatan kehidupan yang sebenar. Peniruan semula oleh para pemain seterusnya akan melahirkan peranan-peranan mereka yang tersendiri. Lakonan oleh para pemain akan melibatkan unsur-unsur seperti pengucapan, gerak aksi, mahupun emosi berasaskan sudut pengarah oleh pengarah. Tugas dan tanggungjawab seseorang pemain dalam sesebuah teater merupakan elemen yang penting untuk mengukur keberkesanan sesebuah persembahan teater. Justeru, seorang pengarah harus menentukan para pemain yang sesuai untuk menguasai sesuatu karekter. Tujuannya supaya wujud unsur keserasian antara pemain dengan karekter yang dibawa.

Pemain mempunyai peranan yang cukup penting untuk menimbulkan unsur-unsur dramatik khususnya melalui keupayaan seseorang pemain bermain dengan emosi dan ekspresif apabila berada di atas pentas. Jika ditinjau dari segi peranan umum para pemain, mereka mempunyai tanggungjawab yang tersendiri seperti untuk mencetuskan peristiwa dan konflik sesama mereka yang akhirnya menimbulkan unsur-unsur dramatik. Watak-watak yang akan dibawa oleh pemain khususnya dalam teater yang menonjolkan unsur-unsur tragedi memerlukan pemain yang benar-benar menjiwai perwatakan yang dibawanya. Justeru, pengarahnya telah membentuk pemain-pemain dalam teater SDAF

mengikuti kesesuaian konsep teater muzika kanak-kanak yang mempunyai unsur-unsur dramatik untuk dihidangkan kepada kanak-kanak.

Merujuk kepada teater **SDAF** sebahagian besar pelakornya terdiri daripada kanak-kanak yang dipilih khusus untuk melakonkan dan membicarakan perihal kanak-kanak. Keseluruhan tenaga pelakon yang terlibat di dalam teater ini seramai 38 orang. Seramai 12 pemain lelaki dan 26 pemain perempuan. Kebanyakan pemain dalam teater **SDAF** sudah pun mempunyai asas dan pengalaman dalam bidang lakonan.

Pemilihan dan penyesuaian sesuatu watak dan karekter yang akan dibawa oleh setiap pemain merupakan elemen penting untuk menyempurnakan sesuatu gagasan sama ada ianya akan membawa kesan positif atau kesan negatif. Oleh sebab itu, teater **SDAF** melalui lakonan para pemainnya yang membawa peranan dan karekter baik dan jahat mampu memberi kesan pendidikan moral kepada kanak-kanak.

Pemain yang mendokong watak Siti sebagai watak utama sering kali mencetuskan unsur-unsur ketegangan disebabkan perwatakannya yang sombong dan angkuh. Watak Siti ini didokong oleh dua orang pelakon iaitu Amy Mastura Suhaimi sebagai Siti Besar dan Tengku Iezah Diyana Tengku Alauddin sebagai Siti Kecil. Pemain yang mendokong watak ini banyak menimbulkan unsur-unsur dramatik sepanjang persembahan teater tersebut. Mereka cuba sedaya upaya untuk membuat ekspresif serta emosi untuk disesuaikan dengan perwatakan Siti sebagai seorang kanak-kanak yang penuh dengan sifat sombong dan angkuh. Daripada penelitian pengkaji pengucapan watak Siti

seringkali pemain akan melafazkan nada pengucapan yang agak keras dan tinggi dari segi intonasinya.

Kebijaksanaan pengarah dalam membentuk karekter Siti dapat dilihat dari sudut pemilihan pemain yang sesuai baik dari aspek fizikal, mental emosi dan psikologi, gerak aksi dan pengucapan sebagaimana yang tercetus dalam pemikiran pengarah dan pengarang skrip khususnya. Pemain yang mendukung watak Siti dalam teater ini melakonkan dua sifat kemanusiaan yang bertentangan. Hal ini dapat dilihat dalam persembahan oleh kedua-dua pemain di awal dan di akhir cerita. Titik peralihan di awal hingga ke akhir cerita telah membawa perbezaan yang ketara dari sifat kemanusiaan yang negatif kepada positif iaitu perubahan nilai dan sikap sebagaimana yang dialami oleh watak Siti yang daripada awalnya bersikap sombong dan angkuh. Setelah melalui berbagai peristiwa yang menyedarkan dirinya akhirnya membuatkan watak Siti bertukar menjadi seorang yang baik hati.

Kedua-dua pelakon ini jelas dapat membawa watak Siti dengan baik. Mereka amat sesuai digandingkan untuk memegang watak Siti. Dengan busana dan *make-up* yang sama membuatkan mereka seiras apabila digandingkan. Apa yang membezakan mereka ialah dari segi fizikal. Namun perwatakan mereka berdua juga tetap sama dengan membawakan watak kanak-kanak yang berumur lingkungan lapan tahun. Amy Mastura sebagai Siti Besar dapat membawakan watak kanak-kanak dengan berkesan. Daripada gaya berjalan sehinggalah cara bercakap dia berjaya meniru perlakuan kanak-kanak yang berumur lapan tahun. Beliau juga dapat menyesuaikan diri sebagai pelakon yang menjiwai watak kanak-kanak bersama kanak-kanak lain yang menjayakan teater ini.

Pendek kata, melalui watak Sitalah citra kemanusiaan yang menjadi dasar tema dan persoalan berjaya diungkapkan.

Peranan pemain-pemain lain juga tidak kurang pentingnya dalam menimbulkan unsur-unsur dramatik. Justeru, pengarah telah mencipta dua watak pembantu sebagai pengiring watak utama dalam pengembaraannya. Dua orang pelakon yang diberikan tanggungjawab untuk membawakan watak ini ialah Ruviyamin Ruslan sebagai Mamat dan Tengku Iefizulasyrifie Putra Tengku Alaudin sebagai Andan. Mereka setia dengan Siti sepanjang pengembaraan dan membantu Siti menghadapi pelbagai dugaan sehinggalah mereka berjaya mendapatkan geliga semula.

Sebagai pelengkap kepada pemain utama dan juga pembantu, pengarah telah menyetengahkan watak sampingan yang terdiri daripada watak bukan manusia. Penciptaan watak-watak ini sebenarnya menepati konsep yang di ketengahkan iaitu sebuah cerita yang berkonsepkan fantasi dan muzika. Ia juga berhubung rapat dengan aspek psikologi dan *mood* kanak-kanak agar teater tersebut mampu untuk menarik minat kanak-kanak. Pengutaraan pemain-pemain ini dalam bentuk kumpulan menjadikan persembahan teater ini benar-benar ceria ditambah pula dengan penggunaan audio visual yang berkesan. Namun, aspek tersebut hanya akan dibincangkan dalam bahagian pengolahan dramatik selepas ini.

Watak-watak sampingan pula terdiri daripada watak binatang, serangga dan juga watak luar biasa seperti gergasi batu dan naga. Watak ini hadir dalam bentuk kumpulan iaitu kumpulan lipas seramai 19 orang, ulat bulu seramai 19 orang, katak seramai 17

orang, kelip-kelip seramai 8 orang, lebah dan tikus masing-masing seramai 4 orang. Walau bagaimanapun terdapat sekumpulan penari latar yang turut mengiringi kumpulan pelakon tersebut dalam babak yang melibatkan unsur nyanyian. Mereka merupakan artis-artis residen Istana Budaya. Berikut diberikan senarai pemain-pemain bagi watak sampingan :

NAMA PELAKON	WATAK
1. Megat Mohd Syahraini Suhaimi	Tuan Malim, Lipas Rock, Ulat Bulu, Katak
2. Ahmad Khalid Ahmad Nadzri	Ketua Lipas, Ulat Bulu, Katak
3. Mohd. Azri Shamsudin	Lipas, Ulat Bulu, Katak
4. Teuku Umar Ilany Teuku Iskandar	Lipas, Ulat Bulu, Katak
5. Azlan Ithnin	Ketua Ulat Bulu, Lipas, Katak
6. Mohd. Razali Ismail	Ulat Bulu, Tikus
7. Alia Nadira Ahmad Zubir	Penari, Ulat Bulu
8. Raiha Shahanaz Redzuan	Ulat Bulu, Tikus
9. Tengku Iedildzuhrie Putra Tengku Alaudin	Raja Katak
10. Ila Nabilah Tajul Razi	Permaisuri Katak, Penari
11. Norzazleen Zulkafli	Lipas, Ketua Tikus
12. Cut Mutia Teuku Iskandar	Bayan, Penari
13. Fatin Erna Siregar Ahmad Tamimi	Labah-Labah
14. Tjut Intan Teuku Iskandar	Kelip-Kelip, Lipas, Katak
15. Alia Hairanis Ahmad Zubir	Lebah
16. Nur Ameera Alias	Lebah
17. Mohd. Aliff Haiqal Fauzi	Lipas, Ulat Bulu, Katak
18. Nurul Hafizah Abdul Rahman	Lebah
19. Natalia Sharihan Mohd. Pauzi	Lebah
20. Zehra Zamri	Penari, Kelip-Kelip
21. Afira Shaswani Azizan	Lipas, Ulat Bulu, Katak
22. Nurul Nadiyah Jamaluddin	Lipas, Kelip-Kelip, Katak
23. Raifana Shazni Redzuan	Lipas, Ulat Bulu, Katak
24. Ilya Insyira Mohd. Isa	Lipas, Katak, Kelip-Kelip
25. Amirul Hazizi Abdul Wahab	Lipas, Ulat Bulu, Katak
26. Mohd. Noor Zabaiq Zulkafli	Lipas, Ulat Bulu, Katak
27. Siti Norathira Azli	Penari, Ulat Bulu
28. Shanur Ain Ahmad Shah	Penari, Ulat Bulu
29. Fatin Adibah Mohd. Fauzi	Semut
30. Arbaiah Ahmad Nadzri	Lipas, Tikus
31. Siti Syafrina Suhaimi	Penari, Ulat Bulu
32. Nurul Qusyairyah Jamaluddin	Lipas, Kelip-Kelip, Katak

33. Mohd. Azhar Samsuddin	Lipas, Ulat Bulu, Katak
34. Muhammad Amirul Zukhni Abdul Wahab	Lipas, Katak, Kelip-Kelip
35. Nur Hidayah Ismail	Lipas, Tikus
36. Filza Atira Mohamed Juhari	Kelip-Kelip
37. Laily Norhafezah Mohd. Yatim	Penari, Ulat Bulu
38. Rifhan Shahirah Redzuan	Penari, Ulat Bulu

Kemunculan watak-watak binatang dan serangga ini disesuaikan dengan sifat-sifatnya dan habitat semulajadi binatang tersebut. Watak sampingan ini berperanan untuk menyampaikan berbagai persoalan seperti yang terdapat di dalam skrip SDAF ini. Karakter yang dibawa oleh watak-watak sememangnya memberi kesan kepada penonton sementelah setiap persoalan yang diketengahkan oleh pengarah mempunyai mesej yang tersendiri. Justeru, untuk mencapai matlamat kajian yang ingin melihat aspek pendidikan moral, pengkaji akan memperincikan aspek perwatakan baik berkenaan cara pengucapannya atau gerak aksinya dalam menyerlahkan aspek tersebut di dalam bahagian analisis moral di dalam bab lima kajian ini.

4.4 PENGOLAHAN DRAMATIK

Persembahan teater merupakan satu hasil seni kreatif. Ia juga merupakan satu bentuk seni yang bersifat dramatik, iaitu seni yang mengutamakan kesan dan tekanan emosi sebagai penambat dan boleh menimbulkan kesan kepada jiwa. Persoalan-persoalan yang merangkumi aspek siapa watak atau watak-watak, gerak aksi dan pengucapan watak adalah persoalan dramatik yang menambat perhatian penonton. Teater sebagai karya seni juga bersifat dramatik kerana pengolahannya bersandarkan kepada unsur tarikan emosi seperti suspen, kejutan, ironi dan seumpamanya. Pembahagian babak dan adegan dalam urutan plot yang menjadikan urutan cerita tersusun dengan rapi dan

berurutan seperti yang telah dikemukakan oleh Aristotle juga berperanan untuk mengawal sifat dramatikanya.

Menurut Rahmah Bujang, dramatik merujuk kepada kualiti pengolahan sesuatu persembahan drama, iaitu satu istilah yang menunjukkan tahap penyampaian drama yang memikat dan mempesonakan penonton. Konsep dramatik ini boleh dibina dari segi lakonan, pengolahan audio visual, gabungan penataan set dan cahaya dan seumpamanya. Nilai dramatik ini dibangkitkan oleh rangsangan dan sambutan dari segi emosi, intelek dan visual. (Rahmah Bujang, 1994 : 3)

Olahan yang jitu bermula dengan pembinaan watak dan memanfaatkan kesemua elemen kekaguman baik yang bersifat audio atau visual akan dapat menyerlahkan lagi sifat dramatikanya. Dalam hal ini, pengarah mempunyai peranan yang cukup penting untuk mengarah dan mengolah kesemua elemen-elemen tersebut sehingga dapat memberikan satu persembahan yang berkesan dan mampu menimbulkan unsur dramatik. Perbincangan ini juga menjadi unsur penting bagi pengkaji meneliti aspek pendidikan moral yang ingin disampaikan oleh pengarah melalui olahan dramatikanya.

4.4.1 Pengarahan

Secara umumnya tugas pengarah ialah untuk mengadakan satu persembahan drama. Padanya terletak tugas untuk menghidupkan drama untuk teater. Tujuan dasar baginya adalah mengkreatifkan sesuatu skrip drama, iaitu menghidupkan dan menggerakkan perkembangan cerita melalui lakonan dan sandaran imej visual yang lain.

Pengarah bertanggungjawab untuk memberi arahan kepada pelakon dan ahli teknik visual seperti pengendali lampu dan tatacahaya, pengendali reka bentuk kostum dan tatarias, pengendali reka latar muzik dan bunyi serta reka bentuk set dan prop. Di dalam hal ini, pengarah dan pengkreatif teater di bawah pengendaliannya, telah berbincang ke arah mencari kesatuan kefahaman bekerja untuk pementasan skrip drama itu. Ini dapat mengelakkan daripada berlaku perbezaan fikiran dan fahaman semasa mengendalikan tugas masing-masing.

Merujuk kepada teater **SDAF**, pengarahnya Aminah Rhapor dibantu oleh penolong pengarah iaitu Norzizi Zulkifli. Beliau juga mendapat kerjasama daripada tenaga-tenaga penting seperti Bayu Utomo Radjikin sebagai Pengarah Artistik, Suhaimi Mohd.Zain, atau lebih dikenali sebagai Pak Ngah di kalangan artis, sebagai pengarah muzik dan Sharifah Mahani Syed Kassim sebagai pengarah tari dan gerak. Pengkaji telah menemuramah mereka bagi mendapatkan maklumat berkenaan peranan mereka dalam menjayakan persembahan teater ini.

Merujuk kepada korpus kajian ini yang memfokuskan kepada teater muzika kanak-kanak **SDAF** merupakan teater kanak-kanak yang yang pertama hasil skrip dan arahan oleh Aminah Rhapor. Kebiasaannya, sebelum melakukan tugas pengarahan, beliau akan terlebih dahulu membuat penyelidikan khususnya dalam pembinaan sesebuah watak yang cuba diaplikasikan dari bentuk skrip ke bentuk persembahan. Dalam **SDAF** misalnya, beliau terlebih dahulu membuat penyelidikan tentang karekter watak serangga dan binatang yang dipilih itu dengan merujuk bahan bacaan yang berkaitan dan melihatnya sendiri melalui alam di sekeliling atau menonton dokumentari mengenainya. Beliau

bukan setakat meneliti karekter serangga dan binatang itu sahaja sebaliknya perlu disesuaikan dengan fizikal manusia yang sudah semestinya berbeza dengan fizikal serangga dan binatang tersebut. Ini termasuklah bagaimana manusia itu cuba meniru serangga dan binatang itu berjalan. Sebolehnya beliau menginginkan agar pelakon bimbingannya mampu untuk menjiiwai watak itu sedekat dan seboleh yang mungkin. Begitulah persediaan yang ada pada diri pengarah ini sebelum beliau menjalankan tugas pengarahannya. Sebagai seorang pengarah dan penulis skrip, beliau tidak hanya tertumpu kepada apa yang ada pada skrip sahaja, tetapi beliau sentiasa berfikiran kreatif untuk menjadikan karya itu diaplikasikan dengan sebaiknya ke dalam bentuk persembahan khususnya teater.

Pemilihan pelakon dibuat dengan cara *casting* atau 'uji lakon'. Beliau memastikan pelakon menghayati aspek perwatakan agar terarah kepada memberi kefahaman pada keseluruhan cerita daripada skrip yang ada dan menjadi tanggungjawabnya untuk memastikan pelakon datang berlatih tepat pada waktunya tanpa rasa jemu. Sebagai pengarah, beliau juga bertindak mengawasi latihan seperti menjalankan latihan membaca skrip pada peringkat awalnya, dan berbincang dengan pelakon perihal lakon dan aksi lakon dengan watak. Setelah itu, beliau juga melakukan latihan atur gerak atau *blocking*, latihan perkembangan lakon, latihan semula atau *run through*, latih tubi atau latihan pengesanan lakonan peranan, latihan teknik pentas dengan persediaan dari segi set yang lengkap, tatacahaya dan muzik serta bunyi latar. Latihan yang terakhir dilakukan iaitu latihan lengkap dengan kostum sebelum pementasan berlangsung. Kesemua ini dilakukan dengan kerjasama daripada penolong pengarah dan pengarah-pengarah teknikal lain.

Pengendalian teknik visual juga menjadi tugas penting kepada pengarah. Dalam hal ini, beliau mendapat kerjasama yang baik daripada pengendali reka bentuk set dan prop atau juga dikenali sebagai pengurus pentas. Beliau meminta pengurus pentas ini menyediakan pentas dan set serta prop bersesuaian dengan konsep teater iaitu berkonsepkan teater muzika di alam fantasi. Setiap set dan prop berubah mengikut peristiwa di dalam sesuatu babak. Begitu juga halnya dengan aspek penataan cahaya, kostum dan tatarias, serta muzik dan latar bunyi. Beliau mendapat kerjasama daripada kesemua tenaga penting yang terlibat dalam bidang audio dan visual ini. Beliau memastikan kesemua elemen tersebut dilakukan dengan keselarasan yang bersesuaian dengan persembahan supaya tidak menjanggalkan hasil terakhir persembahan teater itu.

4.4.2 Gerak

Merujuk teater SDAF, gerak yang dilakukan oleh para pelakornya dimaksudkan sebagai gerak aksi yang bersesuaian dengan karekter yang dibawa. Sejalan dengan konsep teater muzika, pengkaji juga menyentuh mengenai gerak tari yang mengiringi nyanyian yang diselitkan dalam persembahan teater ini kerana ianya juga merupakan sebahagian daripada olahan dramatik yang menghidupkan jalan cerita ini seterusnya membantu pengkaji dalam meneliti unsur moral di dalamnya.

Gerak aksi yang dilakukan merupakan elemen yang penting untuk menampilkan unsur-unsur dramatik yang pada akhirnya akan memberi kesan kepada jiwa penonton sehingga mampu membuatkan penonton berfikir. Elemen ini secara tidak langsung juga turut membantu untuk menyerlahkan unsur-unsur moral yang ingin dikaji. Pengkaji akan

membicarakan elemen gerak ini secara terperinci dalam bab analisis moral yang melihat ianya sebagai satu elemen yang penting untuk menyampaikan mesej moral itu dengan berkesan. Gerak aksi yang dilakukan oleh pelakonnya bukan sahaja gerak badan tetapi dilakukan dengan beberapa cara untuk menimbulkan citarasa emosi melalui aksi. (Rahmah Bujang, 1994 : 70). Contohnya kelakuan berjalan yang dilakonkan oleh watak Siti di dalam babak majlis harijadinya jelas menonjolkan karekturnya yang sombong dan angkuh. Sikapnya ini juga dapat dilihat melalui gerak matanya yang selalu menjeling ke arah orang lain dan dikuatkan gaya pengucapan yang tegas dengan nada suara yang tinggi. Begitu juga halnya dengan elemen gerak tari yang dilakukan oleh pemain khususnya pemegang watak-watak binatang. Pengarah tarinya telah mencipta kepelbagaian gerak tari bersesuaian dengan fizikal dan karekter setiap watak binatang itu dan diselaraskan pula dengan iringan lagu yang dimainkan.

4.4.3 Set dan Prop

Teater SDAF menampilkan set yang menggambarkan kewujudan dua alam yang berbeza iaitu alam realiti di awal dan akhir cerita dan alam fantasi di sepanjang plot pengembaraan. Untuk menampilkan dua konsep tersebut ia amat berkait rapat dengan penyediaan set dan propnya. Pengarah dengan kerjasama daripada penyelaras dan pereka set serta penyelaras dan pereka prop tangan menyediakan set sepanjang persembahan teater tersebut dengan menyerlahkannya melalui lukisan yang menjadi latar belakang pentas. Namun bagi menyerlahkan konsep fantasi itu, ia turut melibatkan peranan tatacahaya, efek bunyi juga mesin asap yang digunakan dalam sesuatu babak. Babak pertama, dalam adegan Majlis hari jadi Siti dilengkapkan dengan set menggambarkan

ruang tamu di rumah Siti dengan propnya terdiri daripada tangga, almari dan dihias cantik yang menjadi set di alam realiti. Set rumah yang ditampilkan itu menggambarkan kehidupan Siti sebagai seorang anak orang kaya. Penggunaan tatacahaya dan efek bunyi di dalam set ini merupakan unsur-unsur yang membantu untuk menggambarkan sesuatu mood seperti mood tragedi iaitu peristiwa kehilangan geliga sakti yang digambarkan dengan penggunaan prop, iaitu objek bulat yang bercahaya.

Set di alam fantasi ditonjolkan dalam babak tiga iaitu set di kawasan pembuangan sampah. Selepas Siti ditelan oleh gergasi batu iaitu peristiwa permulaan pengembaraannya, dia telah tercampak ke kawasan pembuangan sampah. Kawasan itu menjadi sarang pembiakan sekumpulan lipas yang besar saiznya serta boleh bercakap. Terdapat berbagai prop yang terdiri daripada sampah-sarap yang berbagai jenis seperti papan tanda, saluran yang berbentuk papan gelungsur, tin dram yang berlabel makanan, sudu, tin, dan batang mancis yang besar. Kehadiran sekumpulan lipas yang besar-besar di tempat yang kotor ini dapat menimbulkan kesan jijik kepada audien.

Dalam babak empat, set berubah kepada set di sebuah hutan yang menjadi latar belakang kepada pengembaraan Siti dan pengikutnya. Prop yang digunakan untuk menyerlahkan set yang menggambarkan hutan ini terdiri daripada pokok-pokok, daun dan bunga-bunga. Di sudut atas pentas, terdapat tiga kawasan bunga (balkoni) yang menjadi set untuk sebuah kawasan taman bunga yang dihuni oleh dua kumpulan lebah iaitu dua ekor lebah baik dan dua ekor lebah garang. Lebah-lebah ini bertindak sebagai narator semasa peristiwa dalam babak ini berlangsung.

Pada babak yang kelima set masih menggambarkan suasana hutan tetapi pada waktu malam. Set seolah-olah di alam fantasi diperkukuhkan lagi dengan kehadiran cahaya yang berterbangan. Cahaya itu sebenarnya daripada badan kelip-kelip. Suasana malam diserlahkan lagi dengan kesan bunyi seperti bunyi angin yang berlalu. Dalam set ini juga terdapat prop dahan kayu tempat kelip api tersepit.

Pertukaran set berlaku dengan gambaran di kawasan hutan yang terdapat tumbuh-tumbuhan dan bunga-bunga yang berbagai saiz seperti lalang, rumput, daun dan duri yang bersaiz lebih besar dan lebih tinggi daripada mereka bertiga. Dalam babak ini, prop tangan iaitu rotan digunakan oleh Ketua ulat bulu untuk menonjolkan imej seorang ketua.

Pada babak ketujuh set menunjukkan di kawasan sarang labah-labah yang terentang di tengah-tengah pentas, juga terdapat prop tangga tempat labah-labah merangkak. *Mood* tegang dan cemas menjadi latar belakang kepada setting ini yang pada akhir babak ini berlaku pertarungan antara labah-labah dan Siti, juga antara labah-labah dengan sesumpah.

Set berubah kepada setting di kawasan hutan. Terdapat pokok-pokok yang dilukis yang menjadi latarbelakang set ini. Set rimba ini masih dikekalkan sehingga muncul lebah di balik balkoni. Pada babak sembilan setting sekali berubah dengan menonjolkan set di tepi tasik. Ia ditonjolkan dengan latarbelakang lukisan sebuah tasik. Prop pula terdiri daripada tumbuh-tumbuhan seperti daun teratai untuk menonjolkan set ini. Prop lain iaitu akar kayu yang digunakan oleh Mamat untuk menarik perhatian sesumpah, prop

jala yang digunakan oleh katak untuk memerangkap sesumpah dan prop cokmar yang dipegang oleh Raja Katak.

Untuk babak seterusnya set menonjolkan di sarang tikus. Latarbelakang pentas terdapat terowong yang menjadi sarang tikus. Di dalam terowong pula terdapat objek seperti komputer yang dikendalikan oleh beberapa watak tikus. Prop lain iaitu sebilah pisau yang digunakan oleh Ketua Lipas. Set berubah dengan perubahan suasana yang gelap dan sesekali diterangi dengan cahaya merah menggambarkan suasana di sarang naga. Pada akhir babak ini, terdapat prop iaitu objek bulat yang bercahaya yang mewakili geliga sakti dipegang oleh Siti. Dalam babak yang terakhir set bertukar kepada setting rumah seperti di awal cerita.

4.4.4 Tatacahaya

Sebagaimana kepentingan set dan prop dalam mewujudkan suasana yang sesuai berpatutan dengan plot cerita begitu juga peranan yang dimainkan oleh tatacahaya. Sepanjang pesembahan teater **SDAF**, ia dikendalikan oleh pereka tatacahaya dan juru tekniknya. Merujuk tatacahaya yang digunakan dalam teater **SDAF**, ianya berperanan untuk memberikan penglihatan yang cukup jelas kepada penonton supaya mereka mendapat keselesaan yang maksimum bila melihat objek atau pelakon di atas pentas dan menunjukkan mood sesuatu lakonan iaitu dengan menggunakan warna-warna yang sesuai dengan suasana lakonan itu, selain berperanan untuk menunjukkan masa atau waktu sesuatu kejadian yang digambarkan sama ada malam atau siang dan sebagainya. Pendek kata tatacahaya dalam persembahan itu bertujuan sebagai penyokong kesan dramatik

persembahannya. Justeru, kegunaannya adalah untuk membantu efek teater yang lain seperti bentuk set dan prop, mengindahkannya kostum dan menerangkan kawasan yang sedang dimengertikan sebagai ruang berlakon.

Dalam babak pertama cahaya kuning keemasan digunakan untuk menonjolkan cahaya geliga. Dalam babak tiga, tatacahaya yang suram digunakan untuk tujuan ekspresi visual bagi menghidupkan suasana yang tegang dengan kemunculan kilat yang memancar dan petir yang sabung-menyabung menandakan kemunculan naga yang datang mencuri geliga sakti. Dalam babak ini juga cahaya merah digunakan untuk mengiringi kemunculan gergasi batu.

Kemunculan watak sekumpulan lipas yang ceria dan boleh bernyanyi diserlahkan lagi dengan tatacahaya seolah-olah dalam sebuah konsert. Begitu juga di dalam babak kemunculan kelip-kelip. Tatacahaya memainkan peranan cukup penting untuk menyerlahkan watak tersebut. Ini kerana watak kelip-kelip hanya bergantung kepada cahaya di badannya. Dalam babak tersebut pentas digelapkan dan hanya tinggal cahaya kelip-kelip yang berterbangan di udara. Bunyi cengkerik di dalam hutan menyerlahkan lagi suasana malam.

Klimaks cerita menyaksikan peranan tatacahaya penting untuk menyerlahkan suasana ketegangan yang melibatkan pertarungan Siti dan pengikutnya dengan naga yang mencuri geliga. Cahaya merah dan kuning yang diselang-selikan dalam suasana yang gelap mampu meninggalkan kesan yang menakutkan dan mengerikan juga menimbulkan unsur suspen kepada audien.

4.4.5 Tatarias

Tatarias dalam teater SDAF juga merupakan elemen penting memandangkan dengan kehadiran pelbagai watak binatang yang perlu diserlahkan dengan kostum dan juga tatarias yang sesuai. Sebagai contoh watak Siti yang mewakili watak kanak-kanak yang berusia di antara lapan tahun hingga sembilan tahun diriaskan dengan solekan yang biasa menggunakan warna yang lembut dan cerah supaya muka kelihatan berseri sesuai dengan perangnya yang masih kebudak-budakan dan dalam masa yang sama tetap menyerlahkan dia sebagai seorang anak orang kaya. Tatarias yang dikenakan kepada watak Mamat dan Andan pula menggunakan solekan yang biasa sesuai dengan imej peribadi yang sederhana sebagai anak tukang kebun Siti dan pembantu Siti.

Elemen tatarias ini juga penting untuk menonjolkan watak-watak binatang. Tatarias yang dikenakan kepada watak binatang bersesuaian dengan karekter yang dibawa dan diaplikasikan dengan fizikal binatang yang sebenar. Contohnya, watak Labah-Labah yang garang diaplikasikan melalui kostum yang berwarna merah dan hitam dan diserlahkan lagi menerusi tatariasnya mukanya dicelorengkan. yang dikenakan iaitu celoreng yang berwarna hitam.

4.4.6 Kostum

Kostum yang digunakan dalam teater ini secara keseluruhannya berkonsepkan alam fantasi. Pakaian yang dipakai oleh watak utama, Siti iaitu gaun kembang dengan warna cerah memperlihatkan unsur fantasi dan sesuai dengan penampilan seorang kanak-

kanak yang berasal daripada golongan keluarga yang berada. Pakaian Mamat dan Andan yang *simple* iaitu terdiri daripada seluar dan baju daripada rekaan lama dan turut berkonsepkan fantasi.

Sebagai sebuah teater muzika kanak-kanak yang menampilkan watak-watak binatang, pengkaji mendapati aspek kostum banyak membantu untuk menyerlahkan setiap watak binatang ini dengan rekaan kostum yang mendekati fizikal binatang-binatang yang sebenar. Namun begitu, rekaan kostum bagi watak-watak binatang ini mengambil kira kesesuaian dengan bentuk fizikal manusia. Untuk melihat kostum setiap watak-watak ini, sila rujuk ilustrasi watak-watak dalam teater SDAF di Lampiran IV.

4.4.7 Muzik

Muzik yang dimaksudkan di sini ialah sebagai bunyi-bunyian yang dihasilkan oleh alat bunyian atau alat muzik. Ia berperanan sebagai pengiring kepada sesebuah persembahan teater dan juga bermaksud sebagai efek suara latar untuk sesuatu persembahan. Merujuk kepada teater SDAF ini muzik yang melatari persembahan teater ini adalah hasil ciptaan Pengarahnya, Suhaimi Mohd Zain atau Pak Ngah.

Muzik juga merupakan elemen yang penting dalam mewujudkan mood yang sesuai di dalam sesuatu peristiwa baik peristiwa gembira, sedih, suasana ketegangan juga dalam suasana yang suspen. Alunan muzik dimainkan bersesuaian dengan peristiwa yang berlaku. Kesesuaian itu amat penting untuk mewujudkan mood yang berkesan. Menurut Pak Ngah, alunan muzik yang tertentu juga digunakan untuk memberi pengenalan kepada

kemunculan sesuatu watak. Contohnya, alunan muzik daripada bunyi flut menjadi muzik yang mengiringi kemunculan watak bayan. Elemen muzik juga menjadi semakin penting untuk melahirkan suasana ketegangan dan mewujudkan rasa suspen contohnya dalam peristiwa pertarungan di antara Siti dan pengikut-pengikutnya dengan naga.

Dalam hal ini, pengkaji melihat penciptaan kostum bagi setiap binatang seperti lipas, labah-labah, tikus, sesumpah, burung bayan, ulat bulu, kelip-kelip dan katak begitu menepati bagi fizikal sebenar binatang-binatang tersebut.

4.4.8 Lagu

Sebanyak 10 buah lagu diselitkan di dalam teater ini. Ini bersesuaian dengan teater muzikal kanak-kanak yang turut mengukuhkan jalan cerita menerusi lirik lagunya. Pengkaji mendapati ada di antara lirik lagunya diselitkan dengan unsur moral yang boleh memberi unsur pengajaran kepada kanak-kanak. Kesemua lagu ini dicipta oleh Pak Ngah selaku Pengarah Muzik teater ini setelah berbincang dengan Pengarahnya yang juga selaku penulis lirik setiap lagu itu. Penciptaan lagu dalam teater ini adalah berdasarkan konsep cerita di alam fantasi dan dipersembahkan mengikut kronologi plot cerita tersebut.

Beliau menerapkan kepelbagaian rentak muzik di dalam lagu-lagu tersebut. Pada babak pertama penonton dihidangkan dengan lagu Kaya Harta Kaya Rupa dengan melodi 60-an. Dibantu dengan lirik yang pendek dan mudah difahami menjadikan lagu itu menarik didengar dan mampu meraih perhatian penonton khususnya kanak-kanak. Selain

itu, beliau turut menyelitkan irama ala Rap di dalam lagu yang melibatkan watak tikus dalam babak celik komputer. Kerancangan lagu itu dicipta dengan mengambil inisiatif sifat tikus yang sememangnya ligat dan lincah. Begitu juga halnya dengan lagu kelip-kelip yang bermelodikan irama pop 80-an. Kelip-kelip yang sememangnya cantik dengan cahaya di badannya seolah-olah diindahkan lagi dengan melodi yang mendayu-dayu dalam pengenalan kemunculannya. Pendek kata lagu-lagu yang ditampilkan bersesuaian dengan konsep dan juga jalan cerita. Pengkaji melihat elemen ini juga mampu untuk menyerlahkan unsur pendidikan moral baik melalui liriknya mahupun melodinya yang menjadikan lagu itu sesuai dengan konsep persembahan teater muzika kanak-kanak. Elemen ini akan dibincangkan perkaitannya dengan pendidikan moral yang ingin difokuskan dalam bab lima iaitu bab analisis moral.

4.4.8 Efek Bunyi (*Sound Effect*)

Efek bunyi ini sebenarnya berperanan untuk membantu elemen lain bagi menghidupkan sesuatu peristiwa dengan lebih berkesan, menggambarkan suasana dengan lebih jelas dan mampu menimbulkan unsur-unsur dramatik untuk menarik minat audien melalui halwa telinga mereka.

Menurut pengarah artistik, Bayu Utomo Radjikin, teater SDAF merupakan sebuah teater kanak-kanak yang banyak memanfaatkan penggunaan teknologi kesan bunyi selaras dengan jalan cerita yang ingin ditampilkan serta dapat memberikan satu kelainan berbanding teater kanak-kanak sebelum ini. Antara babak yang menggunakan kesan bunyi ini ialah babak satu iaitu dalam peristiwa kehilangan geliga. Kesan bunyi

digunakan untuk mengeluarkan bunyi guruh yang kuat yang disertai dengan kilat. Efek bunyi ini sesuai untuk menggambarkan suasana yang menakutkan serta mampu untuk memberi kesan audio kepada penonton. Dalam babak dua juga kesan bunyi digunakan untuk mengeluarkan bunyi angin bagi membantu menggambarkan suasana seram iaitu kemunculan gergasi batu. Kesan bunyi juga dapat dikesan melalui suara gergasi yang mendengus setelah bangkit dari tidur. Begitu juga bunyi yang dikeluarkan oleh gergasi batu semasa menyedut watak Siti, Andan dan Mamat ke dalam mulutnya diiringi bunyi angin yang bertiup kencang untuk menolak mereka masuk ke dalam mulut gergasi batu.

Efek bunyi juga dikesan dalam babak lima iaitu bunyi cengkerik untuk membantu menggambarkan suasana malam di hutan yang dihiasi dengan cahaya kelip-kelip. Pada masa yang sama, kesan bunyi juga digunakan untuk membantu menimbulkan mood menyeramkan ketika Siti hendak menyelamatkan kelip api.

Kesan bunyi juga digunakan untuk menonjolkan watak naga. Watak ini mendengus dengan kuat kerana terkejut dengan kehadiran Siti di dalam babak pertarungan antara Siti dengan naga. Pada masa yang sama ia diiringi dengan bunyi petir serta angin yang bertiup kencang. Pada akhir babak juga terdapat angin bertiup kencang yang mengiringi kemunculan semula rumah Siti dan kembali kepada suasana asal. Elemen kekaguman ini jelas berjaya menampilkan fungsinya dalam bentuk audio yang berkesan bagi menarik minat audien untuk menghayati setiap peristiwa yang berlaku di dalam teater ini.

4.4.9 Mesin Asap (*Smoke Machine*)

Sebagaimana penggunaan kesan bunyi untuk membantu menghidupkan sesuatu peristiwa, begitu juga peranan yang dimainkan oleh elemen kekaguman iaitu mesin asap. Meskipun penggunaannya tidak banyak di dalam teater ini namun ia tetap berjaya membantu menimbulkan kesan khas yang mampu menarik perhatian penonton.

Pengkaji melihat penggunaan mesin asap sebagai salah satu aspek kekaguman yang membantu menyerlahkan suasana yang ingin digambarkan oleh Pengarah. Kefahaman terhadap sesuatu peristiwa menjadi semakin hampir dengan adanya penggunaan elemen kekaguman ini lebih-lebih lagi di dalam peristiwa yang ingin menggambarkan berkenaan dengan sesuatu yang luarbiasa sesuai dengan konsep fantasi yang tidak jelas dari segi latar tempatnya.

Merujuk teater ini, terdapat dua babak yang menggunakan mesin asap. Pertama, peristiwa yang melibatkan watak lipas dengan isu pencemaran udara. Kepulan asap yang berkepul-kepul di atas pentas bagi menggambarkan persekitaran yang tercemar dalam latar tempat pembuangan sampah. Kedua, peristiwa kemunculan gergasi batu. Mesin asap diiringi dengan kesan bunyi digunakan untuk memberi kesan khas bagi menggambarkan keluarbiasaan dan mewujudkan unsur-unsur suspen terhadap penonton.

4.5 Kesimpulan

Persembahan teater SDAF yang telah dibincangkan itu merupakan korpus penting kepada pengkaji dalam melihat aspek yang dikaji. Menerusi pemerhatian persembahan teater tersebut, pengkaji mendapati aspek persembahan termasuk elemen-elemen kekaguman telah berjaya merealisasikan karya cerita SDAF ke dalam bentuk persembahan sebuah teater. Bermula dengan penciptaan pentas berlandaskan konsep fantasi dan dihidupkan oleh pemain-pemain yang dipilih telah mewujudkan satu lakonan yang berkesan dengan pengolahan kepelbagaian elemen yang telah dibincangkan sebelum ini. Berdasarkan perbincangan kedua-dua aspek penting ini dan berlandaskan teori oleh John Dewey, pengkaji akan membicarakan fokus kajian ini iaitu pendidikan moral untuk kanak-kanak dengan terperinci di dalam bab analisis moral selepas ini.